

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 16 TAHUN 2015

PINDAAN PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BIL 2/2000

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 12/2015 yang bersidang pada 17 Jun 2015 melalui Kertas Bil. 12/2015/D 6(97) telah membuat keputusan untuk meminda Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bil 2/2000.

2. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 2/2000 di para 4.1(a) telah menetapkan denda di bawah seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 ialah sebanyak **RM 500.00**, dan sekiranya dibayar namun tidak diremedi pelanggaran syarat tersebut dikenakan denda **RM100.00** sehari.

3. Menurut seksyen 127(1A)(b) Kanun Tanah Negara 1965 pula, apabila berbangkit suatu pelanggaran syarat kegunaan tanah, setelah tuanpunya gagal menunjukkan sebab yang memuaskan, maka Pentadbir Tanah boleh memerintahkan bayaran denda **tidak kurang daripada RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)**, dan dalam kes pelanggaran berterusan, suatu denda tambahan **tidak kurang daripada RM100 (Ringgit Malaysia Seratus Sahaja)** bagi tiap-tiap hari dalam tempoh pelanggaran itu berterusan.


4. Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 5/85 (disemak Tahun 2007) juga telah menetapkan denda sebagaimana peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara di atas.

5. Oleh yang demikian, Para 4.1 (a) Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil 2 Tahun 2000 adalah dipinda sebagaimana berikut:

"Jika Pentadbir Tanah tidak berpuas hati dengan alasan-alasan sedemikian, maka Pentadbir Tanah bolehlah memerintahkan supaya denda yang tidak kurang daripada RM500.00 dikenakan. Sekiranya denda tidak dibayar maka Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan seterusnya sama ada mengikut seksyen 128 atau 129 Kanun Tanah Negara 1965.

Jika selepas membayar denda, pelanggaran syarat terus berlaku, maka Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan denda tambahan yang tidak kurang daripada RM100.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu berlanjutan."

6. Sehubungan dengan itu juga, Pentadbir Tanah perlu mengambil langkah serius dalam menguatkuasakan pelanggaran syarat kegunaan tanah sama ada syarat nyata ataupun syarat tersirat. Jika tindakan tersebut melibatkan pengenaan denda maka jumlah denda yang dikeluarkan mestilah anjal dan tidak statik terutama apabila ianya melibatkan kes-kes pelanggaran syarat yang mempunyai keluasan hakmilik yang besar.
7. Pentadbir Tanah juga perlu menimbang mengikut keperluan dan merit sesebuah kesalahan itu dilakukan dalam membuat perintah bayaran denda.
8. Pekeliling ini mestilah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG 2/2000 dan berkuatkuasa serta merta.



YABhg. DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K Kelantan
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH : 17HB NOVEMBER 2015
NO. FAIL : PTG.PKP. 2/3/2**